

Headline	Tembikai wangi dapat sambutan positif		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	01 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	28	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	205 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,018
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,054



Tembikai wangi dapat sambutan positif

Lipis: Tembikai wangi atau lebih popular dengan panggilan 'Rock Melon' diusahakan Rosdi Salleh di Kuala Medang, dekat sini, bukan saja terkenal di Pahang malah turut mendapat sambutan dari luar negeri ini.

Rosdi, 53, berkata tembikai wangi dihasilkan turut mendapat jolokan 'Medang Melon' sempena nama kampung berkenaan dalam kalangan penggemar buah-buahan eksotik itu.

Penerimaan baik daripada penggemar Rock Melon juga membuka ruang kepadaanya berkongsi ilmu penjagaan dan penanaman buah itu dengan pengusaha yang berminat.

"Ketika ini, saya sedang membimbing 20 usahawan di daerah Lipis dan mereka didekah dengan kaedah penanaman yang betul bagi memastikan kualiti Rock



ROSDI menunjukkan buah Rock Melon berkualiti yang dihasilkan di ladangnya di Kuala Medang.

Melon dihasilkan menepati kehendak pasaran.

"Biasanya, mereka akan ke ladang saya menjalani kursus teori dan praktikal untuk memberikan pengalaman sebenar kepada usahawan terbabit," katanya ketika ditemui, di sini, se-

malam.

Rosdi kini mengusahakan kebun Rock Melon dalam kawasan seluas 8.5 hektar dan mampu menghasilkan 60 tan metrik setiap bulan.

"Sebelum ini, saya usahakan tanaman cili di kebun ini, namun hasilnya kurang

memuaskan. Selepas itu, saya mendapat maklumat mengenai Rock Melon daripada rakan dan memulakan penanaman buah ini secara serius.

"Tanaman ini juga tidak memerlukan pekerja ramai untuk diuruskan dan hasilnya boleh dituai untuk jualan dalam tempoh 70 hari," katanya.

Katanya, harga Rock Melon juga stabil dan ditetapkan RM3.10 sekilogram selain diberi kepercayaan untuk membekalkan hasil kebun diusahakannya kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Katanya, selain mendapat sambutan daripada peminat Rock Melon dalam negara, jenama Medang Melon turut mendapat perhatian dari negara luar dan kini dalam proses untuk dieksport ke Jepun serta Taiwan.